

## PERUBAHAN SOSIAL DI KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI

*Zainudin Hassan  
 Mohamad Najib Abdul Ghaffar  
 Abdul Hafidz Hj. Omar  
 Fakulti Pendidikan  
 Universiti Teknologi Malaysia*

### **Abstrak**

*Perubahan sosial didefinisikan sebagai perubahan yang berlaku terhadap masyarakat dari satu tingkat kehidupan ke satu tingkat kehidupan yang lain. Perubahan sosial merupakan fenomena yang sentiasa berlaku dalam sesebuah masyarakat. Pendidikan di universiti adalah untuk membekalkan ilmu, kemahiran, dan sikap untuk pelajar berkebolehan menangani kelangsungan hidup dan menghadapi perubahan dalam hidup masing-masing. Sehubungan dengan itu, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenalpasti perubahan sosial yang berlaku di kalangan pelajar dalam sistem pendidikan tinggi dengan melihat pemboleh ubah dan sasaran perubahan sosial. Terdapat empat objektif dan enam persoalan kajian yang ingin dicapai. Jenis penyelidikan yang dijalankan ialah penyelidikan pembangunan (Development Research). Reka bentuk kajian ini ialah kaedah penyelidikan rentas (Cross-sectional Design) yang dicadangkan oleh Cohen dan Manion (1989). Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif dan kuantitatif. Kajian ini berharap dapat mengenalpasti perubahan yang wujud dan membina model perubahan sosial di kalangan pelajar IPTA.*

### **1.0 Pengenalan**

Pendidikan secara keseluruhan ialah suatu proses yang membentuk kebolehan dan sikap manusia. Sistem pendidikan sesebuah negara ialah kegiatan yang dijalankan secara terancang dan sistematik terhadap perkembangan jasmani dan rohani bertujuan melengkapkan seseorang individu supaya dapat menjalani kehidupan yang sempurna. Sistem pendidikan tinggi sekarang adalah hasil proses yang berlaku secara evolusi seiring dengan perubahan tamadun manusia. Pendidikan tinggi juga memainkan peranan yang penting memaksimumkan bakat dan keupayaan seseorang sebelum bergiat membangunkan masyarakat. Produk pendidikan tinggi harus melambangkan tahap kepintaran yang tinggi supaya kegiatan graduan boleh menghasilkan matlamat yang dikehendaki masyarakat. Pendidikan tinggi juga adalah agen utama yang matang untuk mengetuai perubahan dalam masyarakat dan negara (Mohd. Najib, 2004).

Pendidikan di institusi pengajian tinggi juga dianggap sebagai kemuncak sistem pendidikan di mana-mana negara. Oleh itu, ciri-ciri dan kualiti pendidikan universiti dianggap sebagai kayu ukur yang penting dalam pembangunan sumber manusia yang terlatih di sesebuah negara. Pendidikan di universiti adalah untuk membekalkan ilmu, kemahiran, dan sikap untuk pelajar berkebolehan menangani kelangsungan hidup dan menghadapi perubahan dalam hidup masing-masing (Mohd. Najib, 2004). Melalui pendidikan sahajalah sasaran untuk melahirkan bangsa Malaysia yang bersatu padu, berjiwa mapan dari segi psikologinya, demokratik, beretika, matang dan toleran,

berminda saintifik, penyayang, adil dan saksama ekonominya, dan yang makmur serta mempunyai ekonomi yang berdaya tahan dapat dicapai (Ahmat, 1994).

## **2.0 Perubahan Sosial (*Social Change*)**

Perubahan sosial bermaksud sebarang pindaan (modification) atau perubahan institusi sosial atau pola-pola rol sosial. Perubahan penting dalam tingkah laku sosial atau perubahan dalam sistem sosial yang lebih besar; bukan perubahan yang kecil dalam sesuatu kelompok kecil. Perubahan sosial juga merujuk kepada perubahan dari segi hubungan sosial yang sedia ada (Ting, 1985). Menurut Wan Hashim (1986), perubahan sosial boleh didefinisikan sebagai sebarang penyesuaian yang berlaku kepada pola-pola interaksi antara individu-individu sebagai unit sosial dalam sebuah masyarakat.

Menurut Rozalli (2005) pula, perubahan sosial didefinisikan sebagai perubahan yang berlaku terhadap masyarakat dari satu tingkat kehidupan ke satu tingkat kehidupan yang lain. Secara umumnya perubahan sosial bolehlah didefinisikan sebagai pergerakan masyarakat dari satu peringkat kehidupan ke satu peringkat yang lain sama ada peringkat yang baru itu membawa kebaikan atau sebaliknya, natijahnya perubahan tersebut akan melambangkan pergerakan yang dihadapi dan dilalui oleh masyarakat tertentu. Akhirnya masyarakat tersebut terpaksa menyesuaikan dirinya dengan kehidupan yang baru atau sebaliknya berusaha untuk mengembalikan keadaannya yang asal, semuanya bergantung pada pilihan masyarakat itu sendiri.

Menurut Mohd. Salleh (2007), perubahan sosial bermaksud perubahan atau pertukaran dalam bentuk organisasi sosial bagi kelompok-kelompok tertentu dalam sesuatu masyarakat. Perubahan ini termasuklah dari segi ekonomi, keluarga, perubahan dalam strafikasi sosial, perubahan peranan sosial, revolusi sosial dan juga politik. Walaupun begitu, tidak dinafikan terdapat sebilangan kecil masyarakat yang tertinggal di belakang atau mengalami kemunduran akibat daripada perkembangan kemajuan atau perubahan sosial dalam sesebuah negara.

Perubahan adalah sesuatu yang sangat perlu dalam setiap masyarakat dan setiap masyarakat pasti berubah. Apa yang membezakannya ialah kadar cepat atau lambat sesuatu perubahan berlaku. Sebaliknya perubahan secara evolusi lebih praktikal dan berjaya diterima oleh masyarakat. Dalam pendidikan misalnya, sistem pendidikan barat telah berjaya mengevolusikan seluruh masyarakat dunia dan kini sistem pendidikan barat dianggap sebagai sesuatu yang universal (Amir Hasan, 2002).

Perubahan dalam masyarakat dan budaya merupakan satu fenomena yang sangat berlaku dalam semua kumpulan manusia, baik dalam masyarakat dan budaya semasa atau masyarakat dan budaya lampau; baik dalam masyarakat yang ringkas mahupun yang kompleks. Ada beberapa perbezaan dari segi corak dan tingkat perubahan berlaku dalam semua aspek kehidupan manusia. Ada yang dirancang dan ada yang tidak dirancang (Hazil, 1990). Perubahan sosial boleh berlaku dalam bentuk revolusi dan evolusi. Perubahan secara revolusi mempunyai ciri-ciri seperti mendadak, menyeluruh, bersifat mengantikan sistem yang sedia ada kepada sistem yang baru dan kesemua masyarakat telibat dengan perubahan tersebut. Perubahan secara evolusi pula berlaku secara beransur-ansur, tidak menyeluruh, bersifat menambah atau mengubah sedikit sistem dan hanya aspek-aspek tertentu dalam

masyarakat yang berubah (Rozalli, 2005). Interaksi antara individu-individu dalam kelompok melahirkan pelbagai bentuk hubungan dan proses sosial, seperti kerjasama, persaingan, perpaduan, konflik dan dominasi (Rustum, 1986).

Perubahan sosial juga adalah perubahan-perubahan yang terjadi dalam struktur dan fungsi masyarakat, atau perubahan-perubahan dalam hubungan sosial atau perubahan terhadap keseimbangan hubungan sosial. Perubahan sosial adalah kehidupan baru yang berbeza daripada sebelumnya. Dalam kata lain, ia berkaitan dengan aspek-aspek modifikasi tingkah laku oleh sebab-sebab dalaman dan luaran. Perubahan sosial juga merujuk segala bentuk perubahan melalui institusi dan badan-badan kemasyarakatan di dalam sebuah masyarakat yang mempengaruhi sistem sosialnya, termasuk nilai-nilai, sikap tindakan dan pola fikir di antara kumpulan-kumpulan dalam masyarakat (Ahmad Rafaai dan Norhasni, 2007).

Menurut Rousek dan Warren (1986), sungguhpun perubahan lebih kerap berlaku pada setengah-setengah masyarakat, perubahan terdapat pada semua masyarakat. Unsur baru diperkenalkan dalam masyarakat dan menghasilkan penyesuaian yang seimbang. Dalam masyarakat, perubahan sosial adalah perkara biasa. Perubahan sosial adalah perubahan dalam proses sosial atau dalam struktur masyarakat yang merupakan suatu proses yang kompleks, melibatkan interaksi yang bertimbali-balik di antara faktor-faktor yang berkaitan dengannya. Faktor-faktor penting yang mungkin terlibat dalam sebarang keadaan perubahan sosial yang khusus iaitu:

1. Peranan faktor penduduk
2. Peranan teknologi
3. Peranan nilai-nilai perubahan
4. Peranan orang-orang ternama
5. Peranan gerakan sosial

Menurut Kasali (2008), antara sifat-sifat perubahan ialah : Pertama, ia bersifat misteri, tidak dapat dipegang, datang dan pergi. Kedua, perubahan memerlukan agen perubahan. Ketiga, tidak semua orang mampu melihat perubahan. Keempat, perubahan terjadi setiap masa. Kelima, perubahan memiliki aspek yang keras dan aspek yang lembut. Keenam, perubahan memerlukan waktu, dana dan kekuatan. Untuk menakluki perubahan, kita perlu matang dalam berfikir, berperibadi kukuh, konsep yang jelas dan sistematik yang dilakukan secara bertahap dan berterusan. Ketujuh, usaha-usaha yang khusus diperlukan bagi mengubah nilai-nilai asas. Tanpa mengubah nilai-nilai ini, perubahan tidak dapat mengubah perilaku dan kebiasaan. Kelapan, perubahan banyak dipengaruhi oleh mitos-mitos iaitu perubahan selalu membawa manusia ke arah kemajuan. Kesembilan, perubahan menimbulkan harapan-harapan dan juga mungkin kekecewaan. Kesepuluh, perubahan sentiasa menakutkan dan menimbulkan keresahan.

Menurut Moore (1986), sekiranya unsur atau unit di mana perubahan itu berlaku dikesan dengan sejelas-jelasnya, maka ia akan memudahkan membezakan puncapunca atau sebab-sebab dalaman dan luaran. Perbezaan lain ialah perubahan "tidak sengaja" lebih dianggap sebagai perubahan yang tidak dirancang, tidak dijangka dan tidak dapat dielakkan tetapi masih boleh dijelaskan dengan perubahan yang sengaja diinstitusikan.

Menurut Rustam (1986), perubahan sosial berlaku pada pelbagai peringkat: misalnya terdapat penghuraian tentang ciri-ciri perlakuan individu dalam konteks

masyarakat yang berubah, hurai tentang sifat-sifat komuniti yang sedang mengalami perubahan dan unsur-unsur perubahan yang dialami oleh sesuatu institusi sosial tertentu. Menurut Mohd. Salleh (2007) pula, ciri-ciri perubahan sosial dalam sesebuah masyarakat atau negara mungkin tidak sama. Secara umumnya ciri-ciri perubahan sosial ialah :

1. Berlaku tanpa dirancang
2. Sejagat tetapi bervariasi
3. Bersifat kontroversi

Menurut Moore (1986), ciri-ciri perubahan sosial sezaman yang agak luar biasa boleh diringkaskan dengan mengemukakan suatu set generalisasi:

1. Bagi mana-mana masyarakat atau kebudayaan, perubahan yang pesat sering berlaku atau berlaku secara tetap.
2. Perubahan tidaklah terpencil sama ada dalam konteks ruang ataupun masa.
3. Perubahan sezaman boleh berlaku "di mana-mana" dan akibat perubahan mungkin membawa kesan yang penting "di mana-mana", ia mempunyai asas yang berserampang dua.
4. Kadar perubahan sezaman yang berancang, atau isu-isu akibat dari pembaharuan yang sengaja dilaksanakan, adalah lebih tinggi dari zaman dahulu.
5. Taburan teknologi kebendaan dan strategi kemasyarakatan berkembang dengan pesat dan kesan bersihnya semakin bertambah atau bertimbun, sesungguhnya beberapa tatacara telah secara relative menjadi basi dengan lebih pesat.
6. Kejadian perubahan secara normal telah memberi kesan yang lebih luas kepada pengalaman orang perseorangan serta aspek kemasyarakatan yang bersifat fungsional dalam dunia moden.

Menurut Mohd. Salleh (2007), faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan sosial ialah persekitaran fizikal, pertambahan penduduk, kepimpinan, proses budaya, idea dan struktur sosial. Menurut Steven Vago (1989), konsep perubahan sosial merupakan proses perubahan secara kuantitatif mahupun kualitatif yang berlaku pada fenomena sosial sama ada dirancang atau tidak dirancang. Perubahan secara kualitatif merujuk aspek masyarakat (struktur masyarakat) yang mengalami perubahan dan secara kualitatif pula merujuk nilai dan kandungan perubahan tersebut terhadap kehidupan masyarakat (peranan dan fungsi). Fenomena perubahan sosial boleh diterangkan melalui hubungan enam komponen perubahan iaitu :

1. Identiti perubahan
2. Tingkat perubahan
3. Tempoh peradaban
4. Arah perubahan
5. Magnitud perubahan
6. Kadar perubahan

Menurut Roszalli (2005), pemboleh ubah perubahan sosial merujuk faktor-faktor yang boleh menyebabkan berlakunya perubahan sosial iaitu:

1. Pemboleh ubah fizikal
2. Pemboleh ubah biologis
3. Pemboleh ubah teknologi
4. Pemboleh ubah ideologi

- (i). Agama
- (ii). Pendapat ahli fikir

- (iii). Adat
  - (iv). Kebudayaan
  - (v). Latar belakang bangsa
5. Pemboleh ubah nilai dan norma.

Harvey et al.(1971) pula, telah membincangkan dan mengenal pasti lima aspek kelompok sasaran individu iaitu:

1. Perasaan
2. Nilai
3. Sikap
4. Persepsi
5. Ketrampilan
6. Tindakan

Harvey et al.(1971), juga telah membincangkan kelompok sasaran bagi struktur organisasi iaitu:

1. Ciri-ciri sosial
2. Ciri-ciri alam sekeliling
3. Ciri-ciri tugas

Walaupun begitu menurut Amir Hassan (2002), perubahan sosial secara ringkas ialah perbezaan antara sekarang dengan sebelum. Menurut beliau, perubahan di Malaysia boleh berlaku dari luar atau dari dalam institusi itu sendiri. Perubahan dari dalam bermaksud terdapat pihak-pihak tertentu dalam dunia pendidikan atau di sekolah yang menginisiatifkan perubahan. Sementara punca perubahan di luar ialah perubahan yang didorong oleh tenaga luar sekolah sama ada dipaksa melalui dasar-dasar ataupun melalui penerimaan sukarela. Namun begitu, sistem pendidikan di Malaysia adalah berpusat maka perubahan-perubahan makro adalah berdasarkan arahan dari atas. Walaupun begitu, Mohd. Salleh (2007) membahagikan perubahan sosial kepada dua iaitu tahap mikro dan tahap makro. Tahap mikro ialah perubahan sikap individu, tingkah laku individu dan pola interaksi. Tahap makro pula ialah merujuk bagaimana sesebuah kumpulan yang besar seperti institusi mengalami perubahan. Sumbangan perubahan peringkat besaran ialah perkembangan teknologi, struktur politik, ekonomi atau pembangunan negara, agama atau kepercayaan, pendidikan dan juga perkembangan penduduk.

Mohd. Salleh (2007), menyimpulkan bahawa konsep perubahan sosial adalah pertama, menunjukkan manusia memang aktif meningkatkan taraf kedudukan sosialnya. Kedua, terdapat baik dan buruk akibat perubahan sosial. Ketiga ialah ia melibatkan kumpulan yang besar. Keempat ialah proses perubahan sosial mengambil masa yang lama.

### **3.0 Teori Perubahan Sosial**

Terdapat beberapa teori perubahan sosial iaitu teori klasik kitaran, teori evolusi, teori keseimbangan, teori modenisasi, teori modal manusia dan teori Marx. Mengikut Teori Klasik Kitaran, proses perubahan berlaku dalam bentuk pusingan di mana banyak negara yang maju pada satu ketika tetapi jatuh kemudiannya. Teori edaran (cyclical theory) juga mengemukakan beberapa peringkat atau edaran tertentu yang akan dilalui

lebih dari sekali atau berulang kali oleh mana-mana budaya iaitu melihat perubahan masyarakat sebagai proses turun naik seperti ombak di laut. Teori universal dalam evolusi mengatakan bahawa tiap-tiap masyarakat tidak semestinya berkembang melalui peringkat perkembangan yang sama dan tetap.

Menurut ahli-ahli teori kitaran terdapat tiga fakta penting dalam perubahan sosial. Pertama, perubahan sosial merupakan satu fenomena yang tidak dapat dielakkan dan akan terus berlaku walaupun dalam keadaan semula jadi. Kedua ialah perubahan sosial tidak semestinya mencapai sesuatu tingkat perkembangan yang baik sebaliknya terdapat banyak masyarakat yang telah menuju kearah kehancuran dan ada yang pupus sama sekali. Ketiga, perubahan yang berlaku terhadap masyarakat manusia ialah proses turun naik.

Teori evolusi atau teori ubah ansur, memegang pada andaian bahawa perubahan boleh dijangkakan dalam bentuk linear yang kumulatif daripada satu tahap ke tahap yang lain (dari tahap mudah kepada tahap yang kompleks). Spencer mengatakan bahawa manusia berkembang dari kelompok kecil kepada kelompok yang lebih besar, dan dari kelompok mudah kepada kelompok majmuk atau dari kelompok seragam kepada kelompok yang tidak seragam. Ahli teori evolusi yang terkenal ialah Charles Darwin (1809-1882) telah mempelopori teori pemilihan semula jadi yang menjadi asas utama dalam menerangkan semua evolusi biologis. Idea evolusi juga mempunyai unsur-unsur seperti kemajuan, pembangunan, pencapaian dan setiap peringkat melambangkan tingkat yang lebih tinggi daripada tingkat terdahulu dalam kehidupan manusia. Keadaan evolusi ini akan berterusan sehingga masyarakat dikatakan mencapai kehidupan yang sangat hampir kepada kesempurnaan atau keunggulan.

Comte menamakan hukum tiga peringkat untuk menuju ke arah kesempurnaan hidup iaitu peringkat pertama ialah peringkat pemikiran manusia berasaskan kepercayaan agama dan kewujudan semangat pada objek-objek. Kepercayaan *politeisme* ini mempercayai bahawa semangat ini mempunyai kuasa pada objek-objek tertentu. Peringkat kedua ialah peringkat metafizikal. Menurut Comte, manusia cuba menjelaskan sesuatu kejadian menurut sebab dan musababnya, namun tingkat pemikiran belum mencapai paras yang tinggi dan menyebabkan kejadian dijelaskan melalui pendekatan yang abstrak dan secara semula jadi. Peringkat ketiga ialah tahap positif atau tahap pemikiran saintifik. Pada masa ini, kejadian-kejadian dijelaskan dengan penerangan yang berasaskan proses semula jadi dan hukum-hukum saintifik yang ditemui.

Menurut Herbert Spencer (1820-1903), masyarakat manusia telah melalui satu arah pembangunan secara semulajadi, bermula daripada keadaan yang agak mudah kepada corak yang kompleks. Struktur masyarakat yang sangat rapat lama-kelamaan akan berpecah dan menjadi terkhusus. Fungsi-fungsi yang menggerakkan masyarakat juga akan perlahan-lahan berubah. Proses perubahan masyarakat menurutnya mengikuti hukum alam semula jadi dan akhirnya akan menuju kepada kemajuan, pembangunan dan kesempurnaan masyarakat.

Teori Keseimbangan pula mengatakan bahawa kegagalan dalam fungsi tertentu secara terus-menerus akan membawa kepada berlakunya pembubaran masyarakat, bahawa suatu perubahan dalam struktur akan mempengaruhi kebolehan untuk menjalankan fungsi dan perubahan dalam struktur-kecil umumnya akan

mempengaruhi lain-lain struktur kecil dalam sistem yang sama. Menurut Talcott Parsons, masyarakat juga cuba untuk mendapatkan penyesuaian secara automatik dan seterusnya mencapai keseimbangan apabila diganggu oleh kuasa luaran dan dalaman. Teori ini melihat masyarakat sebagai entiti yang stabil dan memerlukan kestabilan.

Teori Modernisasi menurut Huntington mempunyai beberapa ciri iaitu bersifat revolusi (perubahan tradisi kepada moden), kompleks (banyak sebab), sistematik, global, berperingkat, konvergen, progresif dan tidak boleh patah kebelakang. Teori Modal Manusia telah diperkenalkan oleh Theodore Schultz. Menurut beliau, peranan pendidikan adalah satu pelaburan yang penting dan akan menguntungkan negara. Negara yang maju terdiri daripada masyarakat yang berpendidikan.

Teori Evolusi telah dikemukakan oleh George Wilhelm, Friedrich Hegel, Auguste Comte dan Herbert Spencer. Menurut Comte, perubahan sosial berlaku sebab pencapaian manusia dalam bidang sains. Beliau menggariskan tiga tahap perkembangan utama yang dilalui oleh semua masyarakat iaitu peringkat penaklukan, pertahanan dan perindustrian. Menurut Spencer, orang yang kuat akan dapat hidup atau mengatasi orang lain.

Teori Konflik berandaian bahawa kehidupan manusia tidak boleh dipisahkan daripada konflik yang boleh membawa keadaan yang tidak stabil. Ahli teori konflik gemar menilai perubahan dibandingkan dengan keharmonian sebagai unsur utama dalam kehidupan masyarakat. Perubahan masyarakat merupakan proses yang terjadi daripada ketegangan yang berlaku dalam sesebuah masyarakat itu sendiri. Pengasas teori ini Karl Marx (1818-1883) menganggarkan bahawa perubahan sosial yang besar akan berlaku terhadap semua masyarakat yang hidup berdasarkan konsep kapitalis.

Talcott Parsons mempercayai bahawa keseimbangan amat penting dalam mana-mana masyarakat. Sekiranya sesuatu keadaan berpunca sama ada daripada faktor dalaman atau luaran yang mengakibatkan masyarakat menjadi tidak stabil, maka segala usaha perlu dilaksanakan agar kestabilan dikecapi semula. Sesuatu struktur dikatakan stabil apabila hubungannya dengan unit-unit dalamannya dan alam sekelilingnya berada dalam keadan harmoni. Maka apabila berlaku perubahan masyarakat, ahli-ahli teori ini mencadangkan supaya anggota masyarakat membuat penyesuaian dalam kehidupan mereka agar kestabilan yang baharu akan diperolehi jika kestabilan yang lama tidak dapat dipulihkan.

Teori Struktur-fungsi berusaha untuk menjelaskan kewujudan masyarakat sebagai satu sistem yang menyeluruh dibina atau struktur-struktur kecil yang bergabung menjadi masyarakat dan kepentingan tiap-tiap struktur dalam masyarakat untuk berfungsi. Perkataan *struktur* bermaksud hubungan antara unit-unit yang terdapat di dalam sesebuah masyarakat yang membentuk masyarakat tersebut. Unit-unit tersebut ialah pemimpin, adat, sistem pendidikan, agama, kepercayaan, tingkah laku, nilai dan norma. Kesemua unit ini apabila bergabung dapat menjelaskan sifat-sifat sesebuah masyarakat yang berbeza daripada masyarakat yang lain. *Fungsi* pula bermaksud peranan yang dimainkan oleh setiap unit dalam struktur. Oleh itu, dalam fahaman struktur-fungsi, setiap unit dalam masyarakat perlu berfungsi atau memainkan peranan masing-masing. Apabila berlaku sebarang perubahan sama ada pada unit-unit ini (struktur) atau mana-mana fungsi, maka kita katakan masyarakat itu mengalami perubahan sosial.

#### **4.0 Latar Belakang Masalah**

Pendidikan Tinggi bukan sahaja merupakan janakuasa bagi mendorong pembangunan dan kemajuan negara, bahkan dianggap juga sebagai lambang dan ukuran untuk menilai sejauh mana sesebuah negara mencapai kemajuan. Oleh itu, usaha dalam menawarkan pendidikan tinggi yang memanfaatkan rakyat dan negara sudah tentunya akan meningkat selaras dengan kemajuan masyarakat dan negara. Kemajuan masyarakat membawa perubahan corak kehidupan dan mencetuskan permintaan baru, akibatnya ialah perluasan jenis perkhidmatan dan pekerjaan. Dalam hubungan ini, permintaan terhadap para professional dan tenaga mahir sudah tentunya semakin meningkat (Shahril et.al, 1998).

Menurut Robiah (1998), peranan universiti adalah selari dengan peredaran masa. Secara umum, universiti haruslah dilihat sebagai:

1. Sebuah pusat ilmu yang membina dan memperkembangkan pemikiran intelektual, yang menganalisis segala masalah jenis gunaan mahupun jenis teoritis.
2. Membantu membangunkan masyarakat melalui pembinaan komuniti yang berteraskan ilmu, budaya dan nilai-nilai agama.
3. Mewujudkan golongan penyelidik dan penghasilan penyelidikan yang menyumbang kearah pembangunan negara dan bidang ilmu tertentu.
4. Melatih dan mengeluarkan cerdik pandai berfikiran kreatif, berdikari, bermoral, bermotivasi dan dapat memenuhi ciri-ciri pekerja profesional yang dituntut oleh pihak kerajaan atau pihak swasta.
5. Menjadi model atau contoh sebagai sebuah organisasi pendidikan yang dinamik dan progresif yang menegakkan kecemerlangan dalam semua aktivitinya.

Matlamat pengajian tinggi ialah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan. Di samping itu, graduan perlu berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif yang tinggi (berfikiran analitikal dan kritika, berupaya menyelesaikan masalah dan penaakulan), menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan dan mampu untuk memberikan sumbangan bakti kepada masyarakat, negara dan dunia. Selaras dengan itu, IPT mempunyai peranan penting sebagai gedung ilmu dan pembangunan manusia bagi menghasilkan ilmuwan, cendekiawan, kesarjanaan, pekerja mahir dan separa mahir untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Dalam era k-ekonomi, peranan IPT perlu berubah kearah menyediakan graduan yang berketrampilan melalui pembangunan kurikulum yang relevan, ahli akademik yang berwibawa dan persekitaran akademik yang kondusif untuk pembelajaran berfokuskan pelajar (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 2007). Tenaga manusia yang terlatih adalah unsur yang penting dalam memajukan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu, fungsi utama pendidikan ialah untuk membekalkan dan melahirkan tenaga manusia yang terlatih bagi memenuhi kehendak ekonomi (Shahril et al., 1998).

Perubahan di universiti mencerminkan tuntutan baru dalam masyarakat kerana dari situlah, sebuah masyarakat intelektual dihasilkan. Apabila dunia terus berubah tetapi pendidikannya masih berada di takuk lama, ia membawa akibat buruk pada kemajuan sebuah bangsa dan negara (Kasali, 2008). Falsafah Pendidikan Negara menjelaskan bahawa matlamat pendidikan adalah pembangunan potensi mahasiswa

secara menyeluruh dan bersepada agar graduan itu kelak seimbang dan harmonis dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan prinsip ketaqwaan kepada Allah. Pembangunan sahsiah mahasiswa merupakan faktor terpenting ke arah objektif ini di mana aspek daya kepimpinan dan akhlak mulia diberi keutamaan (Mohd. Zulkifli, 2001). Secara implisitnya, matlamat pendidikan adalah untuk menghasilkan warganegara yang mempunyai jati diri di mana di tangan mereka diharapkan akan terlahirnya rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara (Habib, 2005).

## **5.0 Pernyataan Masalah**

Sebagai kumpulan yang dinamik, masyarakat tidak akan lepas daripada perubahan. Manusia sebagai individu merupakan makhluk sosial yang tidak terlepas daripada interaksi, baik dengan keluarga, rakan-rakan atau masyarakat awam. Sebarang perubahan yang berlaku dalam dan terhadap masyarakat akan turut tempias dalam tingkah laku individu baik secara langsung ataupun tidak langsung (Ahmad Rafaai dan Norhasni, 2007).

Pendidikan tinggi memainkan peranan penting memaksimumkan bakat dan keupayaan seseorang sebelum bergiat membangunkan masyarakat. Produk pendidikan tinggi harus melambangkan tahap kepintaran tertinggi supaya kegiatan graduan boleh menghasilkan matlamat yang dkehendaki masyarakat (Mohd Najib, 2004). Perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan budaya dapat disedari sekiranya dikaitkan dengan perubahan itu dengan konsep dan masa. Dalam bentuk yang paling senang, perubahan mengandungi perbezaan tanggapan antara sebelum dan sesudah berlakunya perubahan. Hanya dengan perbandingan ini, hakikat mengenai perubahan dapat disedari (Hazil, 1990).

Isu pengangguran di kalangan siswazah sering dibangkitkan dan dikaitkan dengan ketidaksepadanan antara kebolehan graduan IPT dengan kemahiran yang diperlukan oleh pihak industri. Persepsi majikan masih wujud bahawa kualiti graduan luar negara adalah lebih baik berbanding dengan graduan IPT tempatan. Di samping itu, pihak industri juga mempunyai tanggapan bahawa peranan IPT adalah untuk menghasilkan graduan yang boleh diserap terus ke dalam pasaran kerja dengan kemahiran dan pengalaman untuk mengendalikan pelbagai kehendak industri tertentu (Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara, 2007).

Pertumbuhan ekonomi negara amat bergantung kepada modal insan terutamanya dalam proses Malaysia mencapai status negara maju. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-9, kejayaan Misi Nasional dan seterusnya Wawasan 2020 amat bergantung kepada modal insan yang dihasilkan oleh sistem pendidikan kebangsaan. Menyedari kepentingan ini, Kementerian Pelajaran Malaysia akan terus berusaha menggembeleng tenaga dengan pelbagai pihak yang berkepentingan untuk membangunkan modal insan yang bukan sahaja mempunyai kecemerlangan akademik tetapi memiliki nilai-nilai insaniah (Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2007-2010).

Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti perubahan sosial yang berlaku dalam sistem pendidikan tinggi dengan melihat pemboleh ubah dan

sasaran perubahan sosial di kalangan pelajar IPTA. Perubahan sosial ini juga menjurus kepada modal insan yang dikehendaki oleh negara.

## **6.0 Objektif Kajian**

1. Mengenalpasti komponen perubahan sosial yang paling berkesan di kalangan pelajar IPTA
2. Mengenalpasti pola kesan sasaran perubahan sosial kepada pelajar IPTA
3. Mengenalpasti hubungan pemboleh ubah sosial dengan sasaran perubahan sosial kepada pelajar IPTA
4. Melihat sejauhmana kesan sasaran perubahan sosial mengarah kepada model perubahan sosial pelajar IPTA

## **7.0 Persoalan kajian**

1. Apakah komponen perubahan sosial yang paling berkesan kepada pelajar IPTA?
2. Adakah terdapat perbezaan komponen perubahan sosial di kalangan pelajar IPTA?
3. Apakah pola kesan sasaran pemboleh ubah sosial kepada pelajar IPTA?
4. Adakah terdapat perbezaan kesan sasaran perubahan sosial berdasarkan jantina di kalangan pelajar IPTA?
5. Apakah terdapat hubungan pembolehubah sosial dengan sasaran perubahan sosial kepada pelajar IPTA?
6. Sejauhmanakah kesan sasaran hasil perubahan sosial mengarah kepada model perubahan sosial pelajar IPTA?

## **8.0 Rasional Kajian**

Perubahan sosial merupakan fenomena sosial yang berlaku pada setiap masyarakat dan ia menentukan jangka hayat masyarakat dari semasa ke semasa. Namun begitu tidak banyak kajian yang dibuat mengenai perubahan sosial di dalam sistem pendidikan tinggi. Pendidikan tinggi adalah gedung rujukan dan secara tidak langsung mempunyai kuasa untuk menentukan hala tuju masyarakat baik dari segi perancangan, pelaksanaan dan hasil. Kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan untuk melihat perubahan sosial yang berlaku dan membina garis panduan untuk pendidikan tinggi mencapai matlamatnya.


## **9.0 Skop dan Batasan Kajian**

Skop kajian ini ialah pelajar tahun satu dan empat yang mengambil kursus ijazah sarjana muda pendidikan di Fakulti Pendidikan, UTM, UPSI, USM dan UMS.

## **10.0 Kerangka konseptual kajian**

Kerangka konseptual kajian dapat digambarkan seperti rajah di bawah. Menurut Vago (1989) terdapat enam komponen utama dalam perubahan sosial iaitu identiti perubahan, tingkat perubahan, tempoh perubahan, arah perubahan, magnitud perubahan dan kadar perubahan. Komponen tadi merujuk kepada faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perubahan sosial. Menurut Rozalli (2004) terdapat lima pemboleh ubah yang boleh

diberi perhatian iaitu fizikal, biologis, ideologi, teknologi dan boleh ubah nilai dan norma. Harvey (1971) pula mengenalpasti lima aspek fungsi individu setiap kali menjadi sasaran pada strategi perubahan iaitu perasaan, nilai, sikap, persepsi, ketarampilan dan tindakan.




**Rajah 1** Kerangka konseptual kajian

## 11.0 Reka Bentuk Kajian

Jenis penyelidikan yang dijalankan ialah penyelidikan pembangunan (Development Research). Reka bentuk kajian ini ialah kaedah penyelidikan rentas (Cross-sectional Design) yang dicadangkan oleh Cohen dan Manion (1989). Keadah penyelidikan rentas ialah menghasilkan ‘gambar kekal’ (snapshot) populasi pada masa yang sama tanpa mengira perbezaan umur, pekerjaan, pendidikan dan tempat yang berbeza tetapi disoal pada masa yang sama.

### CROSS-SECTIONAL STUDY



**Rajah 2** Cross-Sectional Study (Cohen and Manion,1989)

Sampel A : Pelajar Tahun Satu

Sampel B : Pelajar Tahun Empat

Pendekatan yang digunakan ialah pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Pendekatan kuantitatif ialah penggunaan borang soal selidik. Kaedah kualitatif yang dijalankan ialah kaedah temu bual dalam usaha untuk menjawab objektif kajian keempat.

### 12.0 Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, sampel kajian ialah pelajar tahun satu dan empat yang mengambil Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Fakulti Pendidikan, UTM, UPSI, USM dan UMS. Kaedah persampelan rawak berstrata dipilih memandangkan populasi kajian tidak seragam dari segi jantina, kursus dan tahun pengajian dan umur. Persampelan strata dapat menunjukkan gambaran menyeluruh kerana setiap strata mempunyai wakil yang dapat mengelakkan berlakunya pemilihan sampel yang tidak tepat. Bagi penentuan jumlah dan saiz sample kajian pendapat Krejice dan Morgan (1970) dirujuk sebagai panduan.

### 13.0 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik berbentuk tertutup sebagai instrument kajian. Soal selidik digunakan sebagai instrument sesuai kerana mudah ditakbir dan data mudah diproses dan dianalisis, menjimatkan masa, tenaga dan kos. Responden juga dikatakan lebih terbuka dan berani dalam bertindak balas. (Mohd Najib, 1999).

Temu bual dibuat bertujuan untuk mendapatkan maklumat daripada seseorang atau lebih dengan cara bersemuka atau melalui perantaraan media lain dalam interaksi verbal. Dalam kajian jenis *participant observation*, pemerhatian perlu mendapat pengesahan daripada subjek itu sendiri tentang perlakuanya sendiri. Temu bual membolehnya mendapat gambaran tentang perlakuan yang tidak dapat diperhatikan (Akbar, 2004).

Penyelidik akan mencari wakil untuk setiap sampel. Memberi jaminan identiti responden dirahsiakan dan hanya untuk tujuan akademik. Semua temu bual akan dirakam melalui pita rakaman audio dan catatan penyelidik melalui nota temu bual.

Setelah memperolehi data temu bual, proses penyalianan data daripada kaset ke bentuk transkrip dilaksanakan segera. Setelah selesai proses mentranskrip data, satu salinan transkrip verbatim temu bual dipulangkan kepada responden untuk disemak

ketepatannya. Setelah menentukan tema data temu bual, nilai keboleh percayaan data temu bual dilaksanakan dengan kaedah analisis indeks Kappa.

#### 14.0 Analisa Data

Analisa data adalah berkaitan dengan objektif dan persoalan kajian. Terdapat empat objektif dalam kajian ini dan enam persoalan kajian. Jadual analisis kajian adalah seperti di bawah.

Objektif Kajian	Persoalan Kajian	Kaedah Analisis Data
1. Mengenalpasti komponen perubahan sosial yang paling berkesan di kalangan pelajar IPTA	1. Apakah komponen perubahan sosial yang paling berkesan kepada pelajar IPTA?	Min/faktor analisis
	2. Adakah terdapat perbezaan komponen perubahan sosial di kalangan pelajar IPTA?	ANOVA sehala
2. Mengenalpasti pola kesan sasaran perubahan sosial kepada pelajar IPTA	3. Apakah pola kesan sasaran perubahan sosial kepada pelajar IPTA?	Min
	4. Adakah terdapat perbezaan kesan sasaran perubahan berdasarkan jantina di kalangan pelajar IPTA?	Ujian-t
3. Mengenalpasti hubungan pemboleh ubah sosial dengan sasaran perubahan sosial kepada pelajar IPTA	5. Apakah terdapat hubungan pemboleh ubah sosial dengan sasaran perubahan sosial kepada pelajar IPTA?	Korelasi Pearson/ Multipel regerasion
4. Melihat sejauhmana kesan sasaran perubahan sosial mengarah kepada ciri-ciri modal insan	6. Sejauhmanakah kesan sasaran hasil perubahan sosial mengarah kepada model perubahan sosial pelajar IPTA?	Multipel Regerasion dan Temu bual

#### Analisis Deskriptif

Analisis deskriptif melibatkan penghuraian menyeluruh tentang faktor latar belakang responden dan skor min. Ujian-t digunakan untuk menguji perbezaan skor min antara dua kumpulan sampel. ANOVA digunakan untuk mengenalpasti kesignifikan perbezaan dalam skor min kumpulan yang melebihi tiga kategori. Analisis Regresi Berganda adalah ujian statistik yang berperanan mencari peramal terbaik untuk menunjukkan nilai hubungan dan nilai sumbangan antara pemboleh ubah kajian secara serentak.

### Jangkaan Hasil

Persoalan Kajian	Jangkaan Hasil
1. Apakah komponen perubahan sosial yang paling berkesan kepada pelajar IPTA?	Komponen utama dalam perubahan sosial seperti identiti perubahan, tingkat perubahan, tempoh perubahan, arah perubahan, magnitud perubahan dan kadar perubahan akan menunjukkan pencapaian atau tahap perubahan sosial pelajar IPTA
2. Adakah terdapat perbezaan komponen perubahan sosial di kalangan pelajar IPTA?	Perbezaan komponen perubahan sosial diantara pelajar IPTA membuktikan adanya perbezaan perubahan sosial di IPTA yang berlainan.
3 Apakah pola kesan sasaran perubahan sosial kepada pelajar IPTA?	Pola kesan sasaran perubahan sosial yang sama atau berbeza akan menunjukkan pola perubahan sosial pelajar IPTA
4 Adakah terdapat perbezaan kesan sasaran perubahan berdasarkan jantina di kalangan pelajar IPTA?	Faktor jantina akan menunjukkan perbezaan perubahan sosial pelajar IPTA
5. Apakah terdapat hubungan pemboleh ubah sosial dengan sasaran perubahan sosial kepada pelajar IPTA?	Hubungan yang wujud akan mempengaruhi cara membentuk atau menjangka perubahan sosial pelajar
6. Sejauhmanakah kesan sasaran hasil perubahan sosial mengarah kepada model perubahan sosial pelajar IPTA?	Menghasilkan model perubahan sosial pelajar IPTA

### 15.0 Perbincangan

Kertas kerja ini hanyalah penulisan awal tentang kajian perubahan sosial di kalangan pelajar IPTA. Berdasarkan definisi perubahan sosial dan teori-teori perubahan sosial yang di tulis, kajian ini sebenarnya ingin melihat perubahan sosial yang wujud dan dihadapi oleh pelajar IPTA dan akhirnya melahirkan model perubahan sosial pelajar IPTA. Banyak yang boleh ditambah, diubahsuai dan dibincangkan untuk menjadikan kajian ini lebih mantap dan memberi sumbangsan dalam bidang akademik terutama untuk bidang sosiologi pendidikan dan pendidikan tinggi.

Menggunakan enam komponen perubahan sosial, enam pemboleh ubah perubahan sosial dan lima sasaran perubahan akan melahirkan model perubahan sosial pelajar IPTA. Metodologi, reka bentuk, instrument kajian dan sebagainya mempunyai ruang yang banyak untuk memperbaiki kajian ini. Analisa data adalah seperti yang dilampirkan di atas berdasarkan objektif dan persoalan kajian.

## 16.0 Kesimpulan

Keperluan tenaga kerja terutama dari institusi pendidikan tinggi menjadikan pelajar IPTA sebagai aset utama negara. Walaupun begitu, kita perlu melihat perubahan sosial yang dihadapi terutama semasa menuntut di universiti. Perubahan sosial ini akan membawa pelajar ke arah menjadi sumber tenaga negara yang mahir dan berketrampilan. Kajian ini mengenalpasti perubahan yang wujud dan membina model perubahan sosial di kalangan pelajar IPTA.

## Rujukan

- Ahmad Adam (1994). Persoalan Pendidikan dan Pembentukan Bangsa dalam *Jurnal Pendidikan Tinggi-Higher Education*. Vol.1.
- Ahmad Rafaai dan Norhasni Zainal Abidin (2007). "Kesan Perubahan Sosial Terhadap Orientasi Tingkah Laku Individu dan Tindak Balas Subsistem Integrasi". dalam Seminar Kebangsaan Sains Sosial.
- Ahmad Zaharudin Idrus (Ed.). *Kecemerlangan Menerusi Kreativiti : Transformasi dan Cabaran UTM*. Penerbit UTM : Skudai.
- Ahmad Moghni et.al. (2008). *Penglibatan Pelajar Pelbagai Kaum dalam Aktiviti Kokurikulum USM*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Akbar Ibrahim (2004) *Penyelidikan Kualitatif : Satu Pengenalan Ringkas*. Kuching : PROFES.
- Amir Hasan Dawi (2002). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan : Edisi Kedua*. Tanjung Malim: Quantum Books.
- Gornitzka. Ase, Kogan. Maurice and Amaral. Alberto (2005). *Reform and Change in Higher Education*. CHER : Dordrecht, Netherlands.
- Habib Mat Som (2005). "Kearah Pembentukan Jati diri Pelajar: Satu Analisis". Dalam *Pentadbiran dalam Pembangunan Pendidikan*. Bentong, Pahang : PTS Professional.
- Hazil Abdul Hamid (1990). *Sosiologi Pendidikan : Dalam Perspektif Pembangunan Negara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hill, Yvonne. Lomas, Laurie and MacGregor, Janet. (2003) Students' perceptions of quality in higher education. Dlm. *Quality Assurance in Education* . Vol 11:1.
- Hussein Ahmad (1993). *Pendidikan dan Masyarakat: Antara Dasar, reformasi dan Wawasan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). *Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Juliana Osman et.al. (2008). *Konsortium IPT-Industri : Langkah Alternatif Kecemerlangan Pelajar dalam Pasaran Kerja Hadapan*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Kagan. Maurice et.al (2006) *Transforming Higher Education*. Springer : Dordrecht, Netherlands.
- Kasali, Rhenald (2008). *Change! Berubahlah*. PTS Millennia: Kuala Lumpur.
- Ladico. Marguerite, Spaulding. Dean, T, dan Voegtle, Katherine H. (2006) *Methods in Educational Research*. Jossey-Bass: San Francisco.
- Kamarudin Md Tahir, Ruhizan Md Yassin dan Ramlee Mustapha (2008). *Faktor*

- Penyumbang Kepada Tahap Kemahiran Generik di kalangan Pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.* Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Thomas. David. C and Inkson. Kerr (2004). *Cultural Intelligence : People Skills for Global Business.* San Francisco : Berrentt-Koehler Publishers.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004). *Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi.* Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1997). *Pembinaan dan Analisis Ujian Bilik Darjah.* Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004). *Pembangunan Organisasi di Malaysia: Projek Pendidikan.* Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (2004). *Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi.* Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Nor Jusoh (2008). *Peranan Institut Pendidikan Guru (IPG) Terhadap Pembangunan Syaksiah, Kepimpinan dan Akademik Pelajar.* Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Mohd Yusup Ab Hadi et.al. (2008). *Sumbangan Kurikulum dan kokurikulum bagi Penguasaan Kemahiran Generik Terhadap Pelajar Tahun Akhir UTHM.* Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Mohd. Zulkifli Mohd Ghazali (2007). *Mendepani Cabaran ke arah Universiti Bertaraf Dunia.* Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Morrish . Ivor (1978). *The Sociology of Education: An Introduction.* London : Unwin Education Books.
- Meredith D. Gall and Roseanne O'Brien Vijtek (1994). *Planning For Effective Staff Development: Six Research- Based Models.* ERIC Clearinghouse on Educational Management : University of Oregon.
- Moore. Wilbert E. (1986). *Perubahan Sosial.* Terjemahan Cheu Hock Tong. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nooraini Othman (2008). *Keseimbangan Personaliti dan Akademik Sebagai Teras Pembangunan Modal Insan.* Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Norzaliawati Mohd Noor et.al. (2008). *Kemahiran Generik Dikalangan Pelajar IPT : Satu Kajian Tahap Keyakinan Merentas Jantina.* Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Pelan Induk Pendidikan 2006-2010.* Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Rostam A. Sani (1986). Teori Perubahan Sosial dalam Sosiologi : Ditaksir Berdasarkan Perspektif Islam dalam *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* Jilid 14.
- Rohana Hamzah (2008) *Pendidikan Holistik Kearah Membangunkan Modal Insan Terbilang,* kertas kerja Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Rozalli Hashim (2005). *Pengurusan Pembangunan.* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Robiah Sidin (1998). *Pemikiran dalam Pendidikan.* Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Rockefeller, S.C. (2006) *Meditation, Social Change and Undergraduate Education.* Dalam *Teacher College Record.* Vol 108:9. pg 1775-1786.
- Roucek, Joseph. S. dan Warren, Roland. L. (1986). *Sosiologi suatu pengenalan.* Terjemahan Mohammad Hj. Yusuf, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruth Hayhoe and Julia Pan (2001). *Knowledge across Cultures : A Contribution to Dialogue Among Civilizations.* University of Hong Kong: Hong Kong.

- Sharifah Alwiah Alsagoff (1988). *Sosiology Pendidikan*. Petaling Jaya : Longman.
- Shariff Omar (Ed.) (1999). *Prosiding Konvensyen Pendidikan UTM '99*. Penerbit UTM : Skudai.
- Silver, Harold and Silver, Pamela (1997) *Students : Changing Roles, Changing Lives*. Society for research into Higher Education & Open University Press : Buckingham.
- Stephens, MD and Roderick, G.W. (1978) *Higher Education Alternative*. New York : Longman.
- Sufean Hussin (1996). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Susan Impak dan Salleh Abd Rashid (2008) *Praktis Penerapan dan Penilaian KemahiranInsaniah Dalam Kanagan Pensyarah Terhadap Penghayatan Dalam Kalangan Pelajar, Jabatan-jabatan Teknikal, Politeknik-Politeknik Malaysia*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008.
- Tajul Ariffin Noordin dan Nor Aini Dan (2002) *Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu*. Bangi : As-syabab Media.
- Tam, Maureen (2002). Measuring the effect of higher education on university students.dlm *Quality Assurance in Education* Vol 10 : 4.
- Thomas. David. C and Inkson. Kerr (2004). *Cultural Intelligence : People Skills for Global Business*. San Francisco : Berrentt-Koehler Publishers.
- Ting Chew Peh (1985). *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Timperley, Helen.S. and Parr, Judy. M. (2005). Theory Competition and Process of Change. Dlm. *Journal of Educational Change* . 6: 227-251.
- T. Marimuthu (1994). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Vago, Steven (1989) *Social Change*. New Jersey : Parentice Hall.
- Wan Abdul Manan Wan Muda (1994). Metamorfosis Akademia Malaysia dalam *Jurnal Pendidikan Tinggi-Higher Education*. Vol. 1.
- Wan Hashim Wan The (1986). "Perubahan sosial : Teori-teori Klasik dan Moden" dalam *Jurnal Antropologi dan Sosiologi* Jilid 14 , ms.39
- Zainal Abidin Mohamed (Ed.) (1999).*Pengurusan Strategik di Sektor Pendidikan* . Penerbit UPM: Serdang